

12/07/1997

Universiti Andalusia rayu sumbangan beli bangunan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Universiti Islam Antrabangsa Ibnu Sina di Andalusia (UIAAA) Sepanyol, merayu kerajaan Malaysia dan sektor korporat mewakafkan sebuah bangunan berhampiran universiti itu untuk kegunaan universiti.

Ahli Lembaga Pengarah universiti berkenaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata pihak universiti memohon kepada Malaysia supaya membantu UIAAA membeli bangunan berkenaan yang ditawarkan untuk dijual dengan harga RM752,340.

Bangunan itu adalah rumah dua tingkat yang boleh diubah suai untuk dijadikan dewan kuliah, bilik seminar serta ruang pejabat dan perpustakaan. Ia akan dinamakan Rumah Malaysia atau mengikut nama syarikat penderma.

Ketika taklimat mengenai universiti berkenaan di sini hari ini, Dr Ismail berkata, mesyuarat Lembaga Pengarah pada 16 hingga 18 Mei lalu di UIAAA, dimaklumkan universiti itu sudah mempunyai dua bangunan tambahan yang disumbangkan oleh bekas Presiden Algeria, Ahmad Ben Bella dan seorang penderma yang dikenali sebagai As-Sa'di.

Bangunan yang ditawarkan kepada Malaysia itu terletak berhampiran Rumah Ben Bella, rumah Sa'di serta Universiti itu dan akan disambungkan terus dengan ketiga-tiga bangunan UIAAA yang ada sekarang.

Dr Ismail yang juga Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia dinamakan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti berkenaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penubuhan UIAAA mendapat sokongan Perdana Menteri yang turut memberi bantuan kewangan bagi pihak Kerajaan Malaysia ketika ia ditubuhkan pada tahun 1994.

UIAAA yang terletak di tengah bandar Andalusia dijangka mampu menjadi pusat perkembangan tamadun Islam bukan saja di Sepanyol bahkan di Eropah.

"Buat pertama kali selepas kejatuhan empayar Islam di Sepanyol, azan berkumandang di bandar Andalusia apabila universiti itu ditubuhkan," katanya.

(END)